

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR]

TARIKH : 25 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan hala tuju Syarikat Penerbangan Nasional (MAS) yang dimiliki oleh Khazanah Nasional Berhad. Adakah Kerajaan akan mempertimbangkan sebarang langkah pemulihan atau penutupan operasi syarikat penerbangan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Selari dengan pelaksanaan Pelan Pemulihan Malaysian Airline System Bhd (MAS) yang bertujuan menstruktur semula dan memulihkan operasi syarikat penerbangan nasional, Malaysia Airlines Berhad (MAB) telah ditubuhkan pada 7 November 2014. Penubuhan MAB bertujuan untuk mengambil alih operasi, aset dan liabiliti syarikat MAS. MAB seterusnya diletakkan di bawah Malaysia Aviation Group Berhad (MAGB) yang dimiliki sepenuhnya oleh Khazanah Nasional Berhad (Khazanah).

Sehingga kini, Khazanah telah menyuntik kira-kira RM28 bilion ke dalam syarikat penerbangan tersebut manakala jumlah liabiliti MAGB pada masa ini yang akan disusun semula adalah dianggarkan sebanyak RM16 bilion.

Prestasi kewangan MAGB antara tahun 2015 hingga 2018 adalah seperti berikut:

Tahun	Keuntungan/ (Kerugian) - RM
2015	(1.1b)
2016	(0.7b)
2017	(1.2b)
2018	(1.3 b)

Setakat 31 Ogos 2020, jumlah kecairan yang dimiliki oleh Kumpulan MAGB adalah kira-kira RM366 juta selain kira-kira RM578 juta yang tersedia untuk digunakan daripada dana yang diperuntukkan oleh Khazanah. Kesan COVID-19 terhadap industri penerbangan secara global adalah amat buruk dan Malaysia Airlines tidak terkecuali daripada menerima impak daripada penularan pandemik ini. Malaysia Airlines kini beroperasi dengan kira-kira 75% daripada pesawatnya tidak dapat

diterbangkan akibat sekatan perjalanan, dan turut menyaksikan kapasiti dan pendapatannya terjejas.

Untuk makluman, Kerajaan komited untuk membantu semua pihak yang terjejas dengan penularan wabak COVID-19. Oleh itu, Kerajaan melalui Skim Jaminan Prihatin Danajamin (SJPD) menyediakan program pembiayaan bernilai RM50 bilion dengan jaminan sebanyak 80% ke atas pembiayaan bagi modal kerja syarikat. Namun demikian, kemudahan jaminan ini disediakan untuk manfaat kepada semua syarikat yang beroperasi di Malaysia dalam semua sektor termasuk sektor penerbangan tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan.

Bagi mengatasi masalah kewangan MAGB dan MAB, Kerajaan akan mengadakan rundingan lanjut dengan pihak Khazanah bagi mengenal pasti hala tuju syarikat khususnya dalam memperkukuhkan kedudukan kewangannya dan mengenal pasti penyelesaian strategik yang terbaik bagi kumpulan penerbangan tersebut.

Keputusan untuk menutup atau menghentikan operasi MAGB masih belum dilakukan dan bergantung kepada hasil rundingan MAGB dengan pihak pemiutang dan pemajak bagi menstruktur semula syarikat. Dalam masa yang sama, pihak pengurusan Khazanah juga akan melaksanakan usaha terbaik bagi memastikan kebajikan kakitangan kumpulan MAGB terpelihara termasuk, sekiranya perlu, bayaran pampasan yang setimpal yang mematuhi undang-undang pekerjaan.

Sekian, terima kasih.